



UniSHAMS
UNIVERSITI ISLAM ANTARABANGSA SULTAN ABDUL HALIM MU'ADZAM SHAH

Dahulu dikenali sebagai Kolej Universiti INSANIAH
Universiti Milik Penuh Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Kedah (SSK Inc.)

IKLAN JAWATAN KOSONG PEGAWAI PERUBATAN

Universiti Islam Antarabangsa Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah (UniSHAMS) ingin mempelawa calon-calon warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berminat untuk mengisi kekosongan jawatan seperti yang berikut:



MAKLUMAT JAWATAN PEGAWAI PERUBATAN GRED UD41

Kumpulan Perkhidmatan	Pengurusan dan Profesional
Jawatan	Pegawai Perubatan
Gred Jawatan	UD41
Bidang/Skim	Perubatan dan Kesihatan (Klinikal)
Skala Gaji	RM 2,429.00 (Min) – RM 9,656.00 (Maks)
Tempoh Lantikan	Dua (2) Tahun
Taraf Lantikan	Kontrak (<i>Contract of Services</i>)



SYARAT PERMOHONAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:-

- 1) Warganegara Malaysia.
- 2) Berusia tidak kurang 18 tahun pada tarikh tutup iklan perjawatan, dan;
- 3) Ijazah dalam Ilmu Perubatan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya serta telah berdaftar sementara atau penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC); atau
- 4) Ijazah Sarjana Muda Perubatan dan Pembedahan (MBBS/MD/MBChB) atau kelayakan perubatan setaraf yang diiktiraf oleh Majlis Perubatan Malaysia (MMC) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). (*Kelayakan luar negara mesti diperakui setaraf oleh MMC dan JPA*)
- 5) Berdaftar penuh dengan Majlis Perubatan Malaysia (MMC).
- 6) Mempunyai Sijil Perakuan Amalan Tahunan (Annual Practising Certificate, APC) yang masih sah
- 7) Memiliki pengalaman sekurang-kurangnya 3 tahun dengan rekod prestasi yang baik (*termasuk telah menamatkan "housemanship" di hospital yang diiktiraf*).
- 8) Calon bagi lantikan hendaklah memiliki Kepujian (sekurang BAHASA MELAYU kurangnya Gred C dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.



DESKRIPSI TUGAS

- i. **Pemeriksaan & Rawatan Pesakit**
Melakukan pemeriksaan fizikal, mendiagnosis penyakit, dan memberikan rawatan yang sesuai kepada pesakit di klinik
- ii. **Pengurusan Program Kesihatan**
Terlibat dalam pelaksanaan dan penyeliaan program kesihatan awam seperti program kawalan penyakit tidak berjangkit, program promosi kesihatan, dan program kesihatan primer.
- iii. **Tugasan On Call**
Bersedia untuk bertugas di luar waktu pejabat untuk memberikan rawatan kecemasan atau menghadiri kes-kes yang memerlukan perhatian segera.
- iv. **Penyediaan Laporan Perubatan**
Menyediakan laporan perubatan yang lengkap dan tepat, termasuk laporan kes, laporan kematian, dan laporan program kesihatan.
- v. **Penyampaian Ceramah dan Pendidikan Kesihatan**
Boleh terlibat dalam menyampaikan ceramah kesihatan atau memberikan pendidikan kesihatan kepada pesakit dan masyarakat.
- vi. **Penyeliaan**
Dalam sesetengah kes, Pegawai Perubatan UD44 mungkin juga bertanggungjawab menyelia kakitangan perubatan yang lebih junior.
- vii. **Pemeriksaan Kesihatan (Medical Check-up)**
Menjalankan pemeriksaan kesihatan (medical check-up) ke atas pelajar baharu, pegawai akademik dan bukan akademik UniSHAMS.
- viii. **Membantu Dalam Pelaksanaan Peperiksaan Pelajar Program MBBS**
Membantu dalam pelaksanaan peperiksaan pelajar program MBBS UniSHAMS i.e peperiksaan profesional pertama, peperiksaan profesional akhir, peperiksaan akhir semesater dan peperiksaan akhir posting klinikal.



KAEDAH PERMOHONAN

Calon yang berminat hendaklah mengemukakan permohonan secara atas talian (*online*) di laman sesawang <https://erekrut.unishams.edu.my/home.php> dan muat naik dokumen-dokumen berkaitan yang disahkan benar pada pautan **Google Form** yang dinyatakan di dalam laman sesawang tersebut.

UNTUK MAKLUMAT LANJUT, SILA HUBUNGI URUSETIA

En. Muhammad Hanafi Bin Masri
Unit Perjawatan Bukan Akademik, Bahagian Sumber Manusia,
Pejabat Pendaftar

E-mel: perjawatan_pentadbiran@unishams.edu.my | No. Telefon: 04-4491057

TARIKH TUTUP PERMOHONAN
20 SEPTEMBER 2026